Strategi Membaca dan Kumpulan Etnik: Satu Kajian Membaca dalam Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Malaysia

Noraini Ibrahim
Radha M.K. Nambiar

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Membaca ialah satu kemahiran yang teramat penting namun apa yang berlaku semasa seorang membaca masih tidak jelas. Keadaan ini diburukkan lagi oleh kepelbagaian pembolehubah yang bertindak balas dan mengimpak proses membaca ini. Di antara pembolehuabah yang berpengaruh ialah pembaca dan teks yang dibaca. Makalah ini akan memfokus kepada kumpulan pembaca (pelajar) dan amalan budaya mereka untuk meninjau sama ada terdapat jenis-jenis strategi membaca yang tertentu yang digunakan oleh beberapa kumpulan etnik apabila membaca teks Bahasa Melayu. Ini adalah kerana apabila seorang itu membaca, akan terbit satu proses 'dialektik' antara pembaca di satu pihak dan skemata, pengalaman terdahulu, kepercayaan-kepercayaan individu dan komuniti dan pengalaman pembelajaran di pihak lain, dalam proses pembacaan itu. Oleh kerana ekologi masyarakat Malaysia terdiri dari berbilang etnik, bahasa dan agama, maka persoalan yang terbit ialah sama ada kumpulan etnik menjadi pembolehubah dalam pilihan strategi-strategi membaca. Selanjutnya kajian juga tertumpu kepada pilihan strategi-strategi yang spesifik yang digunakan pelajar. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik, di 4 zon (utara, tengah, timur di semenanjung dan Sabah dan Sarawak) serta melibatkan 1473 pelajar. Pelajar dibahagikan berdasarkan kumpulan etnik mereka iaitu Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan lain-lain. Secara am, dapatan menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan ketara diantara penggunaan strategi dan kumpulan etnik. Ini mungkin terhasil dari proses asimilasi akademik dan budaya sekolah kebangsaan yang telah menyeragamkan pemerosesan pembacaan pelajar. Namun begitu dapatan yang membimbangkan ialah kurangnya penggunaan atau pengeksploitasian strategi-strategi membaca. Ini bermakna sebilangan besar pelajar kita tergolong dalam kategori pembaca bertaraf rendah. Justeru itu para guru dan pendidik disarankan supaya memberi tumpuan dan tnjuk ajar tentang kemahiran membaca pada tahap yang tinggi dan lebih kompleks supaya proses membaca akan menjadi lebih efektif dan efisien.

Abstract

Reading is an important skill but what actually happens during the process of reading is still unclear. This is also worsened with the many variables that

impact and interact with the process of reading. One such influential variable is the reader and the text itself. This paper will focus on the first variable i.e. the reader and in particular, the cultural orientation of the learner and the types of reading strategies employed by readers from various ethnic origins when reading texts written in Bahasa Melayu. Reading is a dialogic process with the reader on one hand and schemata, background knowledge, individual and community beliefs and learning experiences on the other. Malaysia is a multi ethnic, multi lingual and multi religious nation so the question is whether ethnicity is a variable that determines choice of strategies. The study also focuses on the specific strategies chosen by these students. Using a survey method, 4 zones (northern, central and eastern in Peninsular Malaysia and Sabah and Sarawak) were identified and 1473 students were involved in the study. The students were divided into ethnic groups like Malay, Chinese, Indian, Iban, Kadazan and others. The findings did not reveal any significant differences in strategy use among the various ethnic groups. This can be attributed to the academic assimilation process and the national school culture that has standardized the reading process. What is worrying however is the lack of use or exploitation of the reading strategies which categorizes many students as poor readers. Hence it is important that teachers and educators concentrate on inculcating the ability to read among students so that they read more effectively and efficiently.

Pengenalan

Membaca ialah satu kemahiran yang tidak boleh dipertikaikan. Membaca bukan sahaja satu kemahiran bahasa tetapi juga sebagai aktiviti bantuan khusus untuk mengakses ilmu. Dalam senario pendidikan di Malaysia ini bermakna para pelajar harus mahir dalam Bahasa Melayu (BM) kerana ia adalah bahasa pengantar. Premis ini menyokong dapatan kajian Eskey, D. E. (2005) yang melibatkan pelajar-pelajar yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Dapatan kajian menujukkan bahawa walaupun pelajar tidak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa harian, mereka tetap harus membaca dalam bahasa itu untuk mengakses ilmu yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris. Ini bermakna proses sosialisasi akademik di sekolah di Malaysia bergantung kepada dua perkara: kemahiran membaca dan kemahiran membaca dalam bahasa Melayu.

Menyorot aspek kemahiran membaca, pada 22 Februari 2010, akhbar Utusan Malaysia melaporkan bahawa rakyat Malaysia yang berjumlah 28 juta orang tidak suka membaca buku. Pemantauan bersifat tinjauan sosial yang dijalankan di lokasi tumpuan di Lembah Klang (stesen LRT, tren, komuter, bas dan perpustakaan di universiti awam dan swasta) mendapati bahawa membaca bukan budaya masyarakat kita. Walaupun cara kajian ini dijalankan mungkin tidak menepati parameter saintifik, namun dapatan kajian

sangat membimbangkan terutama sekali yang berkait dengan pelajar di universiti yang merupakan produk cemerlang dari sistem pembelajaran di sekolah. Memetik laporan ini:

> "Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM) menjadi lokasi siasatan. Hasilnya rata-rata pelajar universiti itu juga tidak gemar membaca buku. Kebanyakan mereka sekadar mengepit buku ke kafeteria atau ke tempat-tempat rehat. Namun mereka tidak menggunakan waktu terluang antara masa kuliah atau semasa menunggu rakan untuk membaca buku. Budaya membaca di kalangan mahasiswa hanya semata-mata ketika di dalam kelas, ketika menyiapkan tugasan atau untuk peperiksaan" (m.s.2)

Statistik penggunaan perpustakaan yang sangat rendah diseluruh negara juga disertakan untuk menguatkan hujah di atas. Profil kajian membaca pula menunjukkan purata dua naskhah buku dibaca setiap rakyat setiap tahun. Bilangan ini adalah jauh lebih kecil dari purata negara membangun dan maju.

Kita akur bahawa mungkin ada terlalu banyak faktor yang menyebabkan masyarakat kita terkebelakang dalam amalan membaca. Namun begitu, dari manakah terbitnya keengganan membaca ini? Jikalau diandaikan bahawa membaca adalah kemahiran yang seharusnya dipupuk dan diasah di sekolah maka wajarlah scenario membaca di sekolah dikaji. Justeru itu, makalah ini yang terhasil daripada sebahagian kajian linguistik *Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia* akan cuba mengupas masalah membaca dari satu perspektif iaitu kumpulan etnik.

Pernyataan Masalah

Membaca merupakan aspek terpenting dalam sosialisasi akademik para pelajar. Namun begitu terbit tiga persoalan yang berkait rapat. Pertama, apakah yang sebenarnya berlaku semasa seseorang individu itu membaca? Kedua, dapatkah faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan membaca dikenal pasti dan dikembangkan disekolah? Akhirnya, adakah kejayaan membaca itu didokong oleh amalan-amalan kelompok etnik pelajar? Peersoalan terakhir menjadi fokus makalah ini walaupun para penyelidik dan pendidik belum dapat kesimpulan yang jelas proses membaca kerana kewujudan pelbagai pembolehubah yang bertindak balas dan mengimpak proses membaca ini. Namun begitu kajian Alderson, J.C. (2000) mendapati peranan dua pembolehubah yang sangat penting, iaitu pembaca dan teks yang dibaca. Dapatan kajian beliau menunjukkan faktor pembaca dipengaruhi aspek-aspek berkaitan seperti amalan budaya kumpulan

pembaca itu dan jenis-jenis strategi membaca yang lazim digunakan oleh kumpulan etnik itu.

Secara am, apabila seseorang itu membaca sebuah teks, satu proses interaktif dan dialektik bermula antara pembaca dengan teks itu. Di satu pihak pembaca itu akan mula berinteraksi dengan pihak kedua yang terdiri daripada skema (pengetahuan latar), pengalaman terdahulu, pengalaman pembelajaran yang telah dialami, dan kepercayaan berteraskan individu dan kelomplok etnik itu. Oleh kerana ekologi masyarakat Malaysia bersifat berbilang etnik, bahasa dan agama, maka akan terbit dua kemungkinan dari proses dialektik ini. Pertama, perkembangan strategi pembaca pelbagai etnik adalah pada tahap yang sama. Kemungkinan kedua yang mungkin terbit ialah perkembangan strategi pembaca pelbagai etnik itu tidak sama. Ini adalah kerana walaupun semua pelajar sekolah melalui sistem kurikulum yang sama di mana Bahasa Melayu (BM) diajar sebagai subjek wajib di sekolah, pendedahan kepada BM mungkin berlainan.

Tinjauan Literatur

Bahagian ini akan menyorot literatur strategi membaca, tahap proses membaca dan pertalian antara amalan membaca dan kelompok etnik.

Strategi Membaca

Tinjauan literatur menunjukkan peranan yang besar dimainkan oleh strategi membaca. Block, E. (1986) mendapati strategi membolehkan pembaca memahami tugasan, menentukan petunjuk dalam teks yang penting, memahami apa yang dibaca dan cara menangani masalah yang dihadapi apabila menghadapi kesukaran semasa membaca. Pada amnya, wujud hubungan positif antara penggunaan strategi dan pemahaman. Nambiar, R., Noraini Ibrahim, Krish, P. (2008) menyatakan bahawa strategi membaca merujuk kepada pelbagai cara yang digunakan untuk memproses teks dan ini bergantung kepada jenis teks, objektif membaca dan konteks.

Menurut Anderson, N.J. (1991) penggunaan pelbagai strategi dapat membantu pelajar membaca dan memahami teks dengan baik. Kajian Block, E. (1992) pula melihat bagaimana pelajar yang mahir dan kurang mahir membaca dan mendapati bahawa terdapat perbezaan strategi yang digunakan yang ketara. Seorang pelajar mahir yang menghadapi kesukaran dengan kosa kata akan menggunakan strategi-strategi yang diklasifikasikan sebagai 'global'- skema. Pelajar ini akan mula dengan menentukan sama ada perkataan itu penting untuk memahami teks, sebelum membaca semula teks itu dan kemudiannya memfokus kepada petanda sintaksis. Pelajar kurang mahir pula didapati memberi fokus kepada kesukaran kosa kata yang dihadapi tanpa memproses makna perkataan atau teks tersebut.

Menurut Liontas, J.I. (1999) dan Sarig (1987), pelajar perlu mengaplikasikan strategi local dan global untuk membantu mereka membaca teks. Ini

melibatkan pemprosesan teks secara bawah-ke-atas *(bottom-up)* dan atas-ke-bawah *(top-down)* yang akan menghasilkan pemahaman yang berjaya.

Tahap proses membaca

Proses membaca lazimnya merangkumi tiga tahap, iaitu para membaca, semasa membaca dan selepas membaca. Tahap pra membaca mengandungi strategi yang menyediakan pelajar untuk membaca teks seperti meneka kandungan teks daripada tajuk dan merancang bagaimana teks akan dibaca dan difahami. Pada tahap ini seorang pembaca perlu memahami struktur makro teks, mengaktifkan skema yang sedia ada dan merancang pembacaan supaya isi penting dapat dikenalpasti secara efisien.

Tahap semasa membaca pula melibatkan bebarapa strategi. Pertama, memberi perhatian kepada setiap struktur makro seperti perenggan untuk mengenal pasti isi utama. Kedua ialah merujuk kamus untuk mendapatkan makna perkataan-perkataan yang susah. Seterusnya konteks atau persekitaran ayat digunakan untuk mendapatkan makna sesuatu perkataan. Keempat merujuk kepada strategi pembaca untuk memutuskan sama ada satu-satu perkataan itu penting atau tidak. Jikalau perkataan itu didapati tidak penting maka ia boleh dipinggirkan sahaja. Sebaliknya jikalau perkataan yand disifatkan susah itu dirasakan penting maka usaha melalui strategi lain harus diaktifkan. Terjemahan merupakan satu strategi yang boleh digunakan, manakala strategi keenam ialah untuk membaca dengan kuat dan disusuli dengan membaca berulan-ulang. Strategi terakhir yang global ialah mengaitkan pengetahuan baru dengan pengetahuan sedia ada.

Pada tahap selepas membaca pula, strategi yang digunakan biasanya merangkumi ujian pemahaman dengan menghurai dan merumus teks yang telah dibaca. Pembaca yang mahir akan merujuk kembali isi penting teks itu dan/ atau membuat ringkasan, mengolah isi penting dengan perkataan sendiri, membuat rumusan, mengenal pasti isi utama dan sampingan, membaca dengan kritis, membuat inferens, mengkaji struktur teks dan membuat kerangka. dan menjawab soalan-soalan kefahaman.

Amalan membaca, budaya dan kumpulan etnik

Aebersold, J.A. dan Field, M.L. (1997) berpendapat bahawa sistem persekolahan yang tidak homogen akan menghasilkan tahap dan keupayaan membaca yang berbeza. Keadaan ini menjadi lebih kritikal dengan wujudnya kepelbagaian etnik dalam satu sistem persekolah seperti di Malaysia. Ini bermakna bahasa ibunda pelajar bukan Melayu bukanlah BM dan pengetahuan tentang bahasa ibunda mereka akan mempengaruhi strategi yang mereka gunakan untuk belajar BM (pelajar Melayu yang bahasa ibunda Melayu tidak termasuk dalam kumpulan ini).

Dapatan kajian Pritchard, R. (1990) pula menunjukkan bahawa latar belakang budaya akan mempengaruhi bagaimana seorang pembaca memproses teks

tersebut dan strategi-strategi yang digunakan. Namun begitu, beliau memberi ingatan bahawa penggunaan pelbagai straegi adalah konsep Barat yang mungkin tidak sesuai untuk budaya lain.

Satu hal yang menarik di sini ialah proses membaca dalam semua bahasa adalah lebih kurang sama walaupun terdapat perbezaan budaya. Pelajar pula lazimnya menghadapi masalah membaca yang sama walaupun teks ditulis dalam bahasa yang berlainan. Dari itu, bukanlah satu yang luar biasa apabila pelajar dari kumpulan etnik yang berbeza menggunakan strategi yang sama atau menghadapi masalah dengan item yang lebih kurang sama dalam proses membaca. Dapatan kajian Haynes, M.E. (1989) misalnya menyokong kesimpulan ini. Korpus kelompok pelajar Amerika dan Cina yang dikaji memberi pelbagai reaksi yang sama apabila berhadapan dengan turutan abjad dalam perkataan-perkataan yang tidak memberi makna.

Rumusan dari perbincangan di atas menunjukkan bahawa kesedaran adalah faktor terpenting dalam kelas membaca. Parry, K. (1996) mengkaji pertalian penggunaan strategi membaca dengan komuniti budaya di kalangan pelajar Nigeria dan Cina dalam kelas pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (ESL/EFL). Dapatan kajian ini menunjukkan bagaimana eratnya pertalian antara penggunaan strategi dan amalan komuniti. Pelajar Nigeria, sebagai contoh, memproses teks secara atas-ke-bawah dan Parry membuat kesimpulan bahawa amalan ini terhasil dari sifat keterbukaan dan toleransi mereka terhadap sesuatu yang kabur.

Dalam kes pelajar Cina pula, amalan membaca dari bawah-ke-atas seiring dengan proses membaca yang terlalu terikat kepada perincian tekstual, berkemungkinan terhasil dari sistem penulisan analitis Cina yang memerlukan pelajar mengetahui setiap bahagian untuk mendapatkan makna keseluruhan. Namun begitu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tahap kemahiran pelajar-pelajar Cina ini tinggi dan mereka dapat menerima dan menggunakan dengan jayanya strategi-strategi baru ini dengan panduan dan dorongan yang sesuai.

Parry, K. (1996) menegaskan bahawa oleh kerana tumpuan pelajar-pelajar difokuskan kepada penggunaan strategi dan mereka diharuskan untuk memberi satu penjelasan introspektif apabila disoal tentang penggunaan strategi dan dari mana datangnya strategi yang gunakan, maka tahap kesedaran pelajar-pelajar ini pun meningkat. Kesedaran baru ini menggalakkan para pelajar ini untuk mempersoalkan amalan-amalan mereka dan pada masa yang sama mempraktikkan kefleksibelan dalam amalan.

Satu perkara yang menarik di sini ialah skema pelajar dipengaruhi oleh amalan-amalan budaya mereka yang berkait rapat dengan kumpulan etnik. Dapatan kajian Stefensen,M. dan Joag-Dev,C. (1979) juga menyokong kuat pandangan ini.

Justeru itu, apabila kita mengambil kira persamaan dan perbezaan pelajar dan aspek budaya, maka para guru tidak boleh melihat proses membaca sebagai satu fenomena *monolithic* (yang terdiri dari satu bahagian yang besar). Jika para guru enggan menerima hakikat ini, proses pembelajaran akan terjejas dan para guru akan menghadapi masalah apabila pendekatan yang tidak konsisten atau sesuai dengan nilai budaya pelajar dan amalan-amalan membaca mereka.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi-strategi sebelum, semasa dan selepas membaca, yang digunakan oleh pelajar-pelajar pelbagai etnik di Malaysia untuk mata pelajaran BM. Kajian berdasarkan soalan-soalan berikut:

a. Apakah strategi-strategi membaca yang digunakan oleh pelajar-pelajar pelbagai etnik untuk membaca teks BM?
b. Apakah strategi-strategi spesifik yang digunakan oleh pelajar-pelajar ini pada tahap-tahap pra, semasa dan pasca membaca?
c. Adakah satu hubungan antara penggunaan strategi dan kumpulan etnik pelajar - pelajar ini?

Metodologi

Sampel Kajian

Kerja lapangan yang melibatkan 1473 pelajar dari 4 zon (utara, tengah, timur di semenanjung dan Sabah dan Sarawak) yang telah dikenalpasti berdasarkan sampel berkelompok mengikut zon/negeri iaitu zon tengah (Seremban, Negeri Sembilan), zon timur (Kelantan), zon utara (Kedah), Sabah dan Sarawak. Kajian dijalankan dengan kebenaran dan bantuan Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Daerah dan persetujuan sekolah yang terlibat.

Kohort pelajar terpilih merupakan pelajar Tingkatan Empat. Kewajaran pemilihan adalah kerana mereka terdiri daripada pelajar yang berada ditahap terakhir pendidikan wajib. Para pelajar ini dibahagikan berdasarkan kumpulan etnik mereka iaitu Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan lain-lain. Kumpulan lain- lain terdiri dari suku kaum peribumi Sabah seperti Bajau, Bugis, Brunei, Dusun dan Suluk dan suku kaum peribumi Sarawak seperti Melanau, Bidayuh dan Berawan.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik dan temu bual bagi tujuan mendapat data.Soal selidik yang digunakan dibentuk dengan merujuk kepada inventori strategi membaca yang sedia ada (Sila rujuk Lampiran 1). Soal selidik ini mengandungi 22 item mengenai strategi bacaan yang dibahagikan kepada empat soalan sebelum membaca, tujuh belas item semasa membaca

dan satu item selepas membaca. Pelajar dikehendaki memilih dari pilihan 1 hingga 5 dalam Skala Likert dengan 1 untuk menunjukkan mereka tidak pernah menggunakan strategi ini dan 5 untuk penggunaan sentiasa.


Analisis Data

Perisian SPSS digunakan untuk menganalisis data dari soal selidik. Untuk memudahkan analisis data pilihan 1 hingga 5 dalam soal selidik dikategorikan kepada 3 pilihan sahaja iaitu 1- tidak pernah, 2 - kadang-kadang dan 3 - kerap. Satu analisis terperinci telah dilakukan untuk strategi pra, semasa dan pasca membaca untuk kesemua kumpulan etnik dalam kajian ini. Untuk setiap kumpulan etnik, data telah dianalisis melalui statistik deskriptif dan dilaporkan dalam bentuk bilangan frekuensi dan peratusan. Perbincangan dibahagikan kepada agihan penggunaan strategi sebelum membaca, semasa membaca dan selepas membaca untuk setiap strategi berdasarkan suku kaum.

Dapatan Kajian

Responden kajian

Sebagai landasan dapatan kajian, Rajah 4.1 menunjukkan komposisi etnik untuk sampel responden yang terlibat dalam kajian ini. Dari 4 zon terpilih, zon Utara diwakili negeri Kedah, zon Timur oleh Kelantan, zon tengah pula diwakili Negeri Sembilan, manakala Sabah dan Sarawak mewakili zon Malaysia Timur.



Rajah 4.1: Maklumat Umum Responden mengikut Suku Kaum

Mencerminkan kohort sekolah kebangsaan di Malaysia, pelajar kaum Melayu mencatat jumlah peratusan terbanyak iaitu 56.69% atau 835 orang. Kumpulan ini diikuti oleh golongan yang terdiri dari suku kaum dari pribumi Sabah dan Sarawak dengan peratusan sebanyak 23.01%. Pelajar Cina merupakan kumpulan ketiga terbesar dengan 10.12%., manakala pelajar Iban merupakan suku kaum pribumi terbanyak dengan 4.48% . Pelajar India merupakan 3.67%. dari sampel kajian manakala kaum Kadazan pula kumpulan

terkecil iaitu 2.04%. Jumlah keseluruhan pelajar pelbagai kaum yang mengambil bahagian dalam kajian ini ialah 1473 orang.

Penggunaan Strategi Membaca dan Kaum Etnik

Secara keseluruhan tahap penggunaan strategi sebelum membaca dalam kalangan semua kaum adalah sama iaitu tahap sederhana. Ini digambarkan dalam Jadual 4.1 di mana kaum Iban mencatatkan penggunaan paling tinggi dengan 59.1% diikuti dengan golongan lain-lain sebanyak 53.71% dan kaum Melayu 52.2%. Ini diikuti oleh kaum Kadazan yang mencatat 50%, kaum Cina sebanyak 49%, sementara kaum India pula mencatatkan 48.1%. Justeru itu, walaupun sederhana, para pelajar sememangnya menggunakan strategi sebelum membaca. Mungkin apa yang ketara ialah penggunaan strategi sebelum membaca yang terendah oleh kaum Cina iaitu 31.5%.

Jadual 4.1: Strategi Sebelum Membaca

	Suku/Kaum						
	Melayu	Cina	Indian	Iban	Kadazan	Lain-lain	Jumlah
Rendah	137	47	8	16	8	88	304
	16.4%	31.5%	14.8%	24.2%	26.7%	26.0%	20.6%
Sederhana	436	73	26	39	15	182	771
	52.2%	49.0%	48.1%	59.1%	50.0%	53.7%	52.3%
Tinggi	262	29	20	11	7	69	398
	31.4%	19.5%	37.0%	16.7%	23.3%	20.4%	27.0%
Total	835	149	54	66	30	339	1473

Kita beralih kepada penggunaan strategi semasa membaca. Dalam konteks pendidikan adalah menggembirakan apabila data menunjukkan penggunaan yang tinggi untuk semua kaum. Jadual 4.2 memaparkan penggunaan terbanyak oleh kaum India sebanyak 90.7%, diikuti kaum Melayu setinggi 83.5% dan Kadazan 83.3%. Golongan lain-lain (79.4%) dan Iban (72.7%) mencatatkan penggunaan yang kurang dari 80% sementara kaum Cina mencatatkan penggunaan sebanyak 67.1% sahaja. Walau bagaimanapun kaum Cina juga mencatatkan penggunaan pada tahap sederhana yang agak menggalakkan iaitu 32.2%. Pada keseluruhannya data menunjukkan penggunaan strategi semasa membaca dalam kalangan semua kaum ini memuaskan.

Jadual 4.2: Strategi Semasa Membaca

	Suku/Kaum						
	Melayu	Cina	Indian	Iban	Kadazan	Lain-lain	Jumlah
Rendah	8	1	0	0	0	4	13
	1.0%	0.7%	0%	0%	0%	1.2%	0.9%
Sederhana	130	48	5	18	5	66	272
	15.6%	32.2%	9.3%	27.3%	16.7%	19.5%	18.4%
Tinggi	697	100	49	48	25	269	1188
	83.5%	67.1%	90.7%	72.7%	83.3%	79.3%	80.7%
Total	835	149	54	66	30	339	1473

Penggunaan strategi selepas membaca menunjukkan bahawa para pelajar jarang menggunakan strategi untuk menyemak semula dan membetulkan pemahaman mereka. Jadual 4.3 menggambarkan hanya kaum Melayu (36.9%) yang selalu menggunakan strategi selepas membaca. Kaum India (38.8%) dan golongan kaum lain-lain (35.6%) menunjukkan penggunaan strategi yang sederhana sementara kaum Cina (43%) dan Iban (43.9%) mencatatkan penggunaan yang agak rendah.

Jadual 4.3: Strategi Selepas Membaca

	Suku/Kaum						
	Melayu	Cina	Indian	Iban	Kadazan	Lain-lain	Jumlah
Rendah	258	64	17	29	11	102	481
	31.2%	43.0%	31.5%	43.9%	37.9%	30.3%	32.9%
Sederhana	264	53	21	22	8	120	488
	31.9%	35.6%	38.9%	33.3%	27.6%	35.6%	33.4%
Tinggi	305	32	16	15	10	115	493
	36.9%	21.5%	29.6%	22.7%	34.5%	34.1%	33.7%
Total	827	149	54	66	29	337	1462

Penggunaan Strategi Sebelum Membaca dan Suku Kaum

Perbincangan seterusnya menjurus kepada penggunaan strategi sebelum membaca yang popular atau selalu digunakan berbanding dengan yang tidak atau jarang-jarang digunakan mengikut kumpulan etnik seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.4. Perincian setiap strategi dan huraiannya dibentangkan dalam Jadual 4.5.

Jadual 4.4: Strategi Sebelum Membaca dan Suku Kaum

Strategi	Penggunaan Tinggi	Penggunaan Sederhana	Penggunaan Rendah
SB1		Cina, India	Melayu, Iban, Kadazan, Lain-lain
SB2	Melayu, India, Iban, Kadazan, Lain-lain		Cina
SB3	Melayu, India, Kadazan, Lain-lain	Iban	Cina
SB4	India, Iban	Iban	Melayu, Cina, Iban, Kadazan, Lain-lain

Gabungan Jadual 4.4 dan jadual 4.5 menunjukkan perbezaan penggunaan strategi-strategi sebelum membaca dalam kalangan pelajar Melayu(M), Cina (C), India(In), Iban(Ib), Kadazan(K) dan golongan Lain-lain (L). Penggunaan strategi meneka kandungan teks BM dari tajuknya (SB1) tidak digunakan oleh pelajar Melayu, Iban, Kadazan dan golongan Lain-lain sementara pelajar Cina dan India mencapai tahap penggunaan sederhana. Strategi meneliti teks yang dibaca seperti artikel, surat khabar, novel dsbnya. (SB2) pula popular dengan pelajar Melayu (51.7%), India (50%) , Iban (47%), Kadazan (43.3%) dan golongan Lain-lain (45.4%). Perhatikan tiada kumpulan etnik yang berada di tahap penggunaan sederhana tetapi pelajar Cina pula mencatat penggunaan rendah (37.6%).

Senario yang hampir sama tercatat untuk SB3 iaitu membaca sekali imbas sebelum membaca secara terperinci. Penggunaan tinggi dicatat oleh pelajar Melayu (53.7%), India (53.7%), Kadazan (50%) dan golongan Lain-lain (43.5%). Pelajar Iban menggunakan strategi ini dengan sederhana dan pelajar Cina melaporkan tidak menggunakan langsung strategi ini.

Strategi merancang bagaimana membaca teks dan menilai pemahaman (SB4) tidak digunakan oleh kebanyakkan pelajar Melayu, Cina, Iban, Kadazan, dan Lain-lain. Namun strategi ini mencatat penggunaan yang tinggi oleh pelajar India. Satu dapatan menarik dapat dilihat dalam penggunaan kaum Iban. Pelajar kaum ini mencatat purata yang sama (33.3%) untuk ketiga-tiga kategori penggunaan (tinggi, sederhana dan rendah) seperti yang tertera di Jadual 4.5.

Jadual 4.5 : Penggunaan Strategi-strategi Sebelum Membaca dan Suku Kaum

Strategi	Penggunaan Tinggi	Penggunaan Sederhana	Penggunaan Rendah
SB1 – meneka kandungan teks dari tajuk		43.2%(C) 44.4% (In)	40.4%(M), 48.5% (Ib), 50% (K), 47.2% (L)
SB2 – meneliti teks yang dibaca	51.7% (M), 50% (In), 47%(Ib), 43.3%(K), 45.4%(L)		37.6%(C)
SB3 – membaca sekali imbas	53.7%(M), 53.7%(In), 50%(K) 43.5% (L)	35%(Ib)	36.9%(C)
SB4 – merancang bagaimana membaca dan menilai pemahaman	46.3%(In), 33.3%(Ib)	33.3%(Ib)	36.8%(M), 40.3%(C), 33.3%(Ib), 43.3%(K), 40.1%(L)

Penggunaan Strategi-strategi Semasa Membaca dan Suku Kaum

Jadual 4.6 menggambarkan penggunaan semua strategi semasa membaca oleh pelajar dari kaum yang berbeza. Strategi-strategi yang mencatatkan penggunaan tinggi dalam kalangan semua kaum adalah SM1 (memberi perhatian kepada pengenalan dan penutup setiap perenggan), SM2 (memhami makna setiap perkataan) , SM4 (membaca dari perenggan pertama keakhir teks tanpa henti), SM6 (terus membaca walaupun mengalami kesukaran memahami teks) SM12 (menggaris, highlight, membulatkan bahagian penting), SM13 (membaca semula untuk memahami bahagian sukar) , dan SM17 (memahami isi utama setiap perenggan).

Penggunaan SM5 (memberi perhatian kepada struktur ayat) dan SM14 (membuat gambaran untuk membantu pemahaman) mencatatkan penggunaan tinggi antara semua kaum kecuali kaum Cina. Untuk SM9 (mengaitkan apa yang diketahui dengan apa yang dia belajar) dan SM11 (guna maklumat dalam teks untuk memahami teks) pelajar dari semua kaum menunjukkan penggunaan tinggi kecuali kaum Iban dan Kadazan.

Dapatan yang dibincangkan di atas menunjukkan bahawa strategi-strategi membaca digunakan pada tahap yang memberangsangkan. Namun begitu data juga mempamerkan penggunaan beberapa strategi yang rendah oleh semua suku kaum iaitu SM3 (menterjemah kepada bahasa ibunda) dan SM7 (membaca dengan kuat). Untuk strategi SM8 (tidak hiraukan perkataan susah) pula, ia tidak digunakan oleh semua kaum kecuali kaum Kadazan yang melaporkan penggunaan yang sederhana. SM16(menggunakan kamus) menunjukkan penggunaan rendah oleh kaum Melayu, Iban, Kadazan dan golongan Lain-lain. Dapatan SM15 (memahami

teks tanpa menterjemah) menunjukkan penggunaan sederhana dalam kalangan semua kaum kecuali golongan Lain-lain yang melaporkan penggunaan rendah. Pada masa yang sama SM10 (memahami perkataan susah dengan membahagikannya) pula digunakan dengan sederhana oleh kaum Iban dan golongan Lain-lain.

Jadual 4.6: Penggunaan Strategi-strategi Semasa Membaca dan Suku Kaum

Strategi	Penggunaan Tinggi	Penggunaan Sederhana	Penggunaan Rendah
SM1 - memberi perhatian kepada pengenalan dan penutup setiap perenggan	53%(M), (40.3% (C), 60.4 (In), 56.1%(Ib), 46.7%(K), 48.2%(L)		
SM2 – memahami makna setiap perkataan	60.9%(M), 46.3%(C) 55.6%(In), 57.6%(Ib), 76.7%(K), 60.4%(L)		
SM3 – menterjemahkan kepada bahasa ibunda			45.5%(M), 43.%(C), 63%(In), 48.5%(Ib), 55.2%(K), 48.7%(L)
SM4 – membaca dari perenggan pertama ke akhir teks tanpa henti	59.8%(M), 43.6%(C), 50% (In), 53%(Ib), 63.3%(K), 55.8%(L)		
SM5 – memberi perhatian kepada struktur ayat	59.9%(M), 63%(In), 50% (Ib), 60%(K), 48.8%(L)	36.2%(C)	
SM6 – terus membaca walaupun mengalami kesukaran memahami teks	45.3%(M), 42.3%(C), 46.3%(In), 54.5%(Ib), 43.3%(K), 45.6%(L)		
SM 7 –membaca dengan kuat			45.9%(M),55.7%(C), 51.9%(In), 60.6%(Ib), 66.7%(K), 50.3%(L)
SM8- tidak hiraukan perkataan susah		46.7%(K)	61%(M) 46.3%(C), 70.4%(In), 62.1%(Ib), 46.7%(K), 60.4%(L)

SM9 – mengaitkan apa yang dia tahu dengan apa di belajar	52.5 %(M), 41.6% (C), 59.3% (In), 43.2%(L)	43.9% (Ib), 60% (K)	
SM10- memahami perkataan sukar dengan membahagikannya	37% (In)	37.6% (M), 40.3% (C), 40% (K)	40% (Ib), 35.1%(L)
SM11 –guna maklumat dalam teks untuk memahami teks	56.4%(M), 43.6%(C), 68.5% (In), 37.9% (Ib), 40% (K), 49.4%(L)	37.9% (Ib)	
SM12- menggaris, highlight, membulatkan bahagian penting	65.8% (M), 40.3% (C), 74.1% (In), 50% (Ib), 50% (K), 58% (L)		
SM13- membaca semula untuk memahami bahagian sukar	80.2% (M), 50.7% (C), 88.9% (In), 72.7% (Ib), 66.7%(K) 72%(L)		
SM14- membuat gambaran untuk membantu pemahaman	58.2% (M), 51.9% (In), 48.5% (Ib), 66.7% (K), 51.6% (L)	47% (C)	
SM15 – memahami teks tanpa menterjemah	53.7% (In)	36.9% (M), 40.3% (C) 45.5% (Ib) 46.7%(K)	39% (L)
SM16 – menggunakan kamus	42.6% (C),42.6%(In)		37.8% (M), 47% (Ib), 40% (K), 41.2%(L)
SM17 – memahami isi utama setiap perenggan	64.5%(M), 46.3% (C), 66.7% (In), 48.5% (Ib), 53.3% (K),58.3% (L)		

Penggunaan strategi selepas membaca dan suku kaum

Untuk pelajar Tingkatan Empat proses membaca di sekolah lazimnya dijalankan sebagai aktiviti yang terarah. Oleh kerana itu tugasan membaca lazimnya juga diiringi dengan tugasan merumus atau meringkaskan sebuak karangan atau teks. Oleh itu SL1 iaitu membuat huraian dengan perkataan sendiri adalah satu strategi yang penting. Dapatan kajian seperti yang terera di Jadual 4.7 menunjukkan bahawa pelajar Melayu gemar strategi ini dengan penggunaan tinggi (36.9%) sementara pelajar India (38.9%) dan golongan Lain-lain (35.6%) menunjukkan penggunaan sederhana dan pelajar Cina (43%), Iban (43.9%) dan Kadazan (37.9%) menunjukkan penggunaan rendah.

Jadual 4.7: Penggunaan Strategi Selepas Membaca dan Suku Kaum

Strategi	Penggunaan Tinggi	Penggunaan Sederhana	Penggunaan Rendah
SL1 –membuat huraian dengan perkataan sendiri	36.9% (M)	38.9% (In), 35.6% (L)	43% (C), 43.9% (Ib), 37.9% (K)

Dapatan kajian dibincangkan dengan mengambil kira penggunaan strategi sebelum, semasa dan selepas membaca dengan pelbagai kaum etnik dan pencapaian BM. Secara am, dapatan menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan ketara diantara penggunaan strategi dan kumpulan etnik. Namun begitu, tahap dan kekerapan penggunaan strategi menyokong dapatan Haynes, M. dan Baker, I. (1993). Sebagai contoh, data menunjukkan bahawa para pelajar tidak mengeksploitasikan penggunaan strategi sebelum membaca untuk membantu mereka. Mereka juga tidak menggunakan strategi meneka kandungan teks BM daripada tajuk dan juga strategi merancang bagaimana membaca teks dan menilai pemahaman. Ini menunjukkan pelajar tidak faham kepentingan strategi sebelum membaca ini. Walau bagaimanapun, strategi meneliti teks yang dibaca dan membaca sekali imbas digunakan oleh semua pelajar ini kecuali pelajar Cina yang tidak menggunakan kedua dua strategi ini.

Untuk kumpulan kaum terbesar iaitu Melayu, India dan Cina, secara purata penggunaan strategi tinggi adalah untuk kaum Melayu dan India. Ini dapat dilihat dari dapatan SB2, SB3, SB4 untuk kaum India sahaja, dan kesemua strategi semasa membaca (SM). Untuk SL1 pula hanya kaum Melayu sahaja yang mencatat penggunaan tinggi. Untuk kumpulan etnik minoriti pula, dapatan dari pelajar Kadazan adalah lebih menyelah dari kaum Iban dan lain lain.

Satu dapatan yang agak memeranjatkan tertumpu kepada prestasi pelajar Cina. Mereka didapati tidak menunjukkan minat untuk membaca. Dapatan kajian menunjukkan bagaimana mereka hanya baca arahan dan terus cuba menjawab soalan seolah-olah mereka hanya belajar BM untuk

menjawab soalan peperiksaan dan bukan untuk memperoleh ilmu pengetahuan. Keputusan PMR pelajar Cina ini juga menunjukkan golongan ini memang lemah kerana kebanyakan mereka (25.5%) memperoleh Gred D dan E untuk mata pelajaran BM. Tidak keterlaluan jikalau dirumuskan bahawa golongan pelajar Cina yang menjadi responden untuk kajian ini tidak mementingkan mata pelajaran BM. Ini mungkin berpunca daripada unsur kedudukan ekonomi keluarga di mana sebilangan besar bekerja sendiri. Namun begitu ini tidak bermakna pelajar ini tidak boleh digalakkan menggunakan strategi untuk membantu mereka memahami teks BM (Parry, K. 1996).

Penggunaan strategi semasa membaca juga menunjukkan pola yang agak menarik dan kesemua kaum melaporkan penggunaan yang tinggi lebih dari 80% kecuali kaum Cina (67.1%). Strategi –strategi yang digunakan oleh semua kaum ialah strategi memberi perhatian kepada pengenalan dan penutup setiap perenggan, memahami makna setiap perkataan, membaca dari perenggan pertama hingga ke perenggan akhir, terus membaca walaupun mengalami kesukaran memahami teks, menggaris, menyerlah, membulatkan bahagian penting, membaca semula, cuba memahami isi utama setiap perenggan. Strategi-strategi yang tidak digunakan oleh semua kaum pula ialah menterjemahkan kepada bahasa ibunda, membaca dengan kuat apabila teks sukar dan tidak hiraukan perkataan susah. Dapatan ini menarik kerana ini menunjukkan bahawa pelajar cuba memahami teks BM tanpa menggunakan strategi terjemahan dan bergantung kepada bahasa ibunda.

Di sini bolehlah dirumuskan bahawa para pelajar sedar akan kepentingan penggunaan strategi untuk membantu mereka memproses teks. Selanjutnya dapatan juga menujukkan bahawa strategi bertahap rendah seperti terjemahan, membaca dengan kuat dan tidak menghiraukan perkataan susah tidak popular. Dapatan dari korpus pelajar Malaysia ini dirumuskan berbeza daripada dapatan Pritchard, R. (1990).

Untuk strategi selepas membaca, sebilangan besar pelajar daripada kumpulan etnik berbeza tidak mengamalkan lakuan cuba memahami teks dengan membuat huraian teks dengan menggunakan perkataan sendiri. Ini boleh dikaitkan dengan sikap pelajar yang hanya ingin menjawab soalan yang disediakan tanpa memikirkan tentang apa yang mereka baca. Pembacaan yang cetek sangat berleluasa di kalangan pelajar Malaysia dan fenomena negatif ini harus ditangani serta merta kerana kita harus dapat menghasilkan pembaca aremaja yang kritis yang dapat melahirkan pendapat yang bernas hasil dari sintesis pembacaan mereka.

Implikasi Kajian

Dapatan kajian ini memberi beberapa implikasi kepada pengajaran dan pembelajaran BM di Malaysia, khususnya kepada para pelajar, guru BM, Kementerian Pelajaran dan ibubapa.

Pada satu pihak, data menunjukkan bahawa para pelajar ada menggunakan strategi, tetapi mereka didapati tidak mengeksploitasi strategi-strategi ini ke tahap maksimum. Secara inferens para pelajar ini hanya menggunakan strategi dengan sambil lewa tanpa memahami penggunaan mereka. Pelajar-pelajar secara amnya tidak faham bahawa mereka harus mengaktifkan metakognitif merka dalam pemprosesan teks. Dan proses ini harus dijalankan setiap kali mereka membaca supaya strategi-strategi ini dapat diasah dan ditajamkan. Hasilnya mereka akan menjadi pembaca yang cekap dan efisien dan produktif.

Menurut Mahzan Arshad (2007) para guru BM mempunyai peranan sangat penting untuk memastikan kecemerlangan dalam bidang mata pelajaran BM. Di sini para guru berperanan untuk memastikan bahawa pelajar mempunyai strategi-strategi yang sesuai untuk memproses teks semasa membaca. Guru juga harus mengambil peka dengan kepelbagaian kumpulan etnik masyarakat majmuk Malaysia. Andaian, '*one strategy fits all'* atau satu strategi untuk semua tidak harus digunakan. Oleh kerana para guru merupakan barisan pertama berinteraksi dengan pelajar maka para guru bertanggungjawab untuk mengenal pasti perbezaan-perbezaan yang mungkin ada dalam proses pembacaan pelajar walaupun ini tidak tersurat dalam kajian ini. Mungkin daripada proses pemerhatian yang berpanjangan, perbezaan dari segi etnik dapat ditentukan dan strategi yang khusus dapat diperkenalkan supaya pelajar dapat kebaikan yang maksimum.

Menurut Zamri Mahamod dan Mohamed Amin Embi (2006), oleh sebab BM merupakan bahasa kedua pelajar bukan Melayu, sudah tentu pelajar-pelajar bukan Melayu ini menggunakan strategi belajar yang berbeza dengan pelajar Melayu. Justeru, guru BM perlu membantu pelajar-pelajar bukan Melayu belajar menggunakan strategi yang sesuai dengan keupayaan mereka. Selanjutnya guru harus memberi tunjuk ajar tentang kemahiran membaca pada tahap yang tinggi, kompleks dan berkesan supaya pelajar dapat membaca dan memahami teks dengan lebih efektif. Para guru juga harus memasukkan strategi membaca dalam pelajaran BM mereka dan menunjukkan bagaimana strategi yang sesuai dapat digunakan supaya para pelajar boleh mengeksploitasikan strategi-strategi ini untuk kebaikan mereka. Ini akan membantu pelajar belajar, memahami dan lebih penting lagi, menguasai BM ke arah kejayaan akademik.

Saranan untuk para guru harus juga dipanjangkan kepada Kementerian Pelajaran. Pakej latihan mengajar membaca berteraskan kepelbagaian kaum harus diperkenalkan terutama sekali di wilayah atau kawasan tumpuan kaum yang tertentu. Secara tidak langsung pelajar dari kaum minority tidak akan terasa terpinggir.

Oleh kerana dapatan juga menunjukkan perbezaan dalam kalangan kaum maka ibubapa disarankan supaya memupuk budaya membaca makalah BM di rumah, terutama sekali dalam kalangan kaum Cina.

Kesimpulan

Makalah ini telah meninjau penggunaan strategi membaca oleh golongan remaja seluruh Malaysia dari segi etnik dan melakarkan gambaran penggunaan yang boleh dipertingkatkan untuk memastikan semua warga Malaysia dapat membaca dan memahami teks untuk menambah ilmu pengetahuan mereka. Makalah ini juga telah mengemukakan beberapa cadangan yang boleh di gunakan oleh para pendidik dan pelajar untuk memperkasakan penggunaan strategi membaca untuk masa depan mata pelajaran Bahasa Melayu.

Rujukan

Aebersold, J.A. & Field, M.L. 1997. *From Reader to Reading Teacher: Issues and strategies for second language classrooms*. Cambridge; Cambridge University Press.

Alderson, J.C. 2000. *Assessing Reading*. Cambridge University Press, Cambridge

Anderson, N.J. 1991. Individual differences in strategy use in second language reading and testing. *Modern Language Journal* 75:460 - 472.

Block, E. 1986. The comprehension strategies of second language readers. *TESOL Quarterly* 20; 463 - 494. Block, E. 1992. See how they read: comprehension monitoring of L1 and L2 readers. *TESOL Quarterly 26* (2); 319-341.

Eskey, D. E. 2005. Reading in a second language. In E. Hinkel (Ed.), *Handbook on Second Language Learning and Teaching* (pp. 563-579). Mahwah, NJ: Erlbaum.

Haynes, M.E. (1989). Individual differences in Chinese readers of English: Orthography and reading. Unpublished PhD Dissertation, Michigan State University.

Haynes, M. E. and Baker, I. (1993) American and Chinese readers learning from lexical familiarization in English text. In Huckin, T., Haynes, M. and Coady, J. (Eds) 130-152. *Second language reading and vocabulary*. Norwood, N.J: Ablex.

Liontas, J.I. 1999. Developing a pragmatic methodology of idiomaticity: The comprehension and interpretation of SL vivid phrasal idioms during reading. *Unpublished doctoral dissertation*, The University of Arizona, Tucson, AZ.

Mahzan Arshad, 2007. Memperkasa proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di sekolah. *Masalah Pendidikan* Jilid 30 (1): 79 -87

Nambiar, R., Noraini Ibrahim, Krish, P. 2008. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar tingkatan dua. *Jurnal e-Bangi*, Jilid 3 no 3: 1 - 18.

Parry, K. 1996. Culture, literacy and L2 reading. *TESOL Quarterly 30/4:* 665-692.

Pritchard, R. (1990). The effects of cultural schemata on reading processing strategies. *Reading Research Quarterly, 25* (4), 273-295.

Sarig 1987. High - level reading in the first and in the foreign language: Some Comparative process data. In Janne Devine, P.L. Carrel & D. E. Eskey (Eds.). *Research in reading as a second language.* Washington; TESOL; 105-120.

Stefensen,M. & Joag-Dev,C. 1979. A cross-cultural perspective on reading comprehension. *Reading Research Quarterly 15*: 10 – 29.

Steffensen, J. & Joag-Dev, C. (1984). Cultural knowledge and reading. In J.C. Alderson & A. H. Urquhart (Eds.) *Reading in a foreign language* (pp. 48-61). London: Longman.

Utusan Online 22/02/2010 - Laporan Khas - Tiada orang baca buku di Stesen LRT, tren, komuter, bas dan tumpuan umum - http:www.utusan.com.my/utusan/info.aspTarikh akses 1/3/2010

Zamri Mahamod dan Mohamed Amin Embi. 2006. Strategi pembelajaran Bahasa Melayu pelajar pelbagai etnik bukan Melayu. *Jurnal Pendidikan* : 115-132

Lampiran I

Soal-Selidik Strategi membaca

Sila bulatkan satu jawapan berdasarkan nombor yang diberikan
1 - Tidak pernah
2 - Sekali-sekala
3 -Kadang - kadang
4 - Kerap
5 - Sentiasa

Sebelum membaca					
1. Saya meneka kandungan teks BM dari tajuknya	1	2	3	4	5
2. Saya meneliti dahulu teks yang dibaca seperti artikel, suratkhabar, novel dsbnya.	1	2	3	4	5
3. Saya membaca sekali imbas sebelum membaca secara terperinci	1	2	3	4	5
4. Saya merancang bagaimana saya akan membaca teks dan menilai pemahaman saya	1	2	3	4	5
Semasa membaca					
5. Saya memberi perhatian kepada pengenalan dan penutup setiap perenggan dan teks sepenuhnya	1	2	3	4	5
6. Saya cuba memahami makna setiap perkataan dalam sebuah teks.	1	2	3	4	5
7. Saya menterjemahkan setiap ayat kepada bahasa ibunda untuk memahami nya	1	2	3	4	5
8. Saya mula membaca dari perenggan pertama dan tidak berhenti sehingga sampai ke perenggan akhir teks	1	2	3	4	5
9. Saya memberi perhatian kepada struktur ayat untuk memahaminya	1	2	3	4	5
10. Saya terus membaca walaupun saya mengalami kesukaran memahami teks	1	2	3	4	5
11. Saya membaca dengan kuat apabila teks itu sukar untuk difahami	1	2	3	4	5
12. Saya tidak hiraukan perkataan yang susah difahami	1	2	3	4	5
13. Saya cuba mengaitkan apa yang saya tahu dengan apa saya baru belajar	1	2	3	4	5

14. Saya cuba memahami perkataan yang sukar dengan membahagikannya	1	2	3	4	5
15. Saya menggunakan maklumat dalam teks untuk memahami apa yang sukar untuk di fahami	1	2	3	4	5
16. Saya menggaris, highlight, membulatkan dsbnya bahagian yang penting dalam teks	1	2	3	4	5
17. Saya membaca semula untuk memahami bahagian yang sukar	1	2	3	4	5
18. Saya membuat gambaran untuk membantu memahami teks	1	2	3	4	5
19. Saya cuba memahami teks tanpa menterjemahkannya kepada bahasa ibunda	1	2	3	4	5
20. Saya menggunakan kamus untuk memahami perkataan yang sukar di fahami	1	2	3	4	5
21. Saya cuba memahami isi utama setiap perenggan	1	2	3	4	5
22. Saya membuat catatan semasa saya membaca	1	2	3	4	5
Selepas membaca					
23. Saya membuat huraian sebuah teks dengan menggunakan perkataan sendiri	1	2	3	4	5